

10 MAR 1996

Mahathir - Atlit

DR MAHATHIR MAHU ATLIT MALAYSIA LEBIH BERDISIPLIN

LANGKAWI, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta semua atlit Malaysia supaya lebih berdisiplin dalam latihan dan aktiviti harian mereka.

Beliau berkata hanya dengan lebih berdisiplin, ahli-ahli sukan Malaysia dapat membuat kejutan pada peringkat antarabangsa.

"Kita telah melihat contoh yang paling baik semasa Jelajah Langkawi '96 (Le Tour de Langkawi '96) berlangsung selama 10 hari dengan pelumba-pelumba asing menunjukkan apakah yang dimaksudkan dengan disiplin yang baik.

"Mereka adalah pelumba yang sangat berdisiplin dan memberi perhatian sepenuhnya kepada sukan itu," katanya pada jamuan malam Kerajaan Negeri Kedah bersempena perlumbaan jelajah itu, di sini.

Dr Mahathir berkata atlit-atlit Malaysia terutamanya para pelumba baskikal sepatutnya mencontohi sikap saingan mereka dari luar negara demi kebaikan masing-masing.

"Inilah yang perlu dipelajari oleh atlit-atlit Malaysia iaitu memberikan perhatian sepenuhnya terhadap apa juga acara yang mereka ceburi," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedikit kecewa dengan tahap disiplin dan dedikasi ahli-ahli sukan Malaysia terutamanya semasa mereka menyertai kejohanan di luar negara.

"Apabila kita menghantar mereka bertanding di luar negara, mereka akan merungut kesunyian kerana isteri dan anak-anak tidak berada di sekelilingnya," katanya.

Mengenai prestasi Malaysia pada acara sulung itu, Dr Mahathir berkata pelumba tempatan perlu belajar berlumba sebagai satu pasukan dan bukannya individu.

Beliau berkata adalah nyata bahawa pasukan Malaysia ketinggalan dari swegi taktik dan meminta mereka belajar daripada saingan masing-masing.

"Kita boleh mempelajarinya daripada Australia dan saya percaya jika kita memberi perhatian sepenuhnya dan mempunyai taktik yang betul, kita boleh memberi hasil yang menakjubkan dan malahan, boleh mengalahkan mereka," katanya.

Dr Mahathir juga meminta M.Kumaresen dan Nor Effendy Rosli supaya berlatih lebih gigih dan berdisiplin.

"Kumaresen dan Effandy perlu mempelajari daripada saingan mereka bagaimana menjadi pelumba yang baik," katanya.

Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff turut hadir pada majlis itu. --

BERNAMA

ZAA NAK